

Projek kandas diteruskan

BH 17 SEP 1988



Oleh ROSLAN ALI

KUALA LUMPUR, Jumaat — Peluang kontraktor Bumiputera melaksanakan projek-projek pembangunan yang wujud berikutan pemulihan ekonomi negara, semakin luas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bagaimanapun, soal mendapatkan projek itu banyak bergantung kepada keupayaan kontraktor itu sendiri kerana jumlah projek yang ditawarkan adalah kecil.

Berucap merasmikan masyuarat agung tahunan Persatuan Pemborong Binaan Bumiputera Malaysia (PPBBM) di sini hari ini, beliau menegaskan kerajaan terpaksa mengurangkan jumlah projek pembangunan kerana pendapatan negara perlu diagihkan kepada pihak lain seperti kakitangan kerajaan dan penganggur.

"Namun begitu, walaupun jumlah projek pembangunan terhad, ia diharap dapat memberi kelegaan kepada kontraktor Bumiputera yang selama ini tertekan kerana kelembapan ekonomi," katanya.

Beliau juga menimbulkan masalah karehna birokrasi dalam sistem pentadbiran kerajaan yang menurutnya boleh menyebabkan jumlah projek ditawarkan berkurangan.

"Masalah ini seringkali menyebabkan projek yang diluluskan oleh kerajaan mengambil masa terlalu lama untuk dilaksanakan sehingga merugikan kerajaan dan mengurangkan peluang kontraktor Bumiputera.

"Oleh itu, kita perlu meningkatkan kecekapan bukan sahaja kontraktor Bumiputera tetapi juga jentera kerajaan," tegasnya.

Bagi mengatasi masalah berkenaan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan sedang berusaha meningkatkan kecekapan jentera pentadbirannya.

Mengenal masalah yang dihadapi oleh kontraktor Bumiputera dalam menjelaskan pinjaman bank, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan sudah menasihatkan industri bank supaya bersimpati dengan kontraktor tempatan tetapi "saranan itu tidak dihiraukan."

"Mereka memberi alasan bahawa bank perlu berhati-hati dan memastikan wang yang diamanahkan kepada mereka tidak hilang. Itu sebabnya mereka terpaksa mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak membayar hutang."

"Saya menasihatkan mereka bahawa tidak ada untungnya bagi mereka, peminjam dan negara jika bank memfliskan orang yang berhutang. Ini kerana apabila ekonomi pulih, mereka yang mufliis tidak dapat menjalankan perniagaan dan kita kehilangan peniaga berpengalaman," katanya.

Datuk Seri Datuk Mahathir berkata nasihat itu diberi berkali-kali tetapi masih ada sungutan mengenai masalah berkenaan.